



## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

### NOTIS MAKLUMAN

#### **PENUTUPAN KAUNTER PELESENAN FINAS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

---

Kepada pelanggan yang dihormati,

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ingin memaklumkan bahawa semua perkhidmatan dan janji temu secara bersemuka di Kaunter Pelesenan FINAS akan **DITUTUP** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dikuatkuasakan di mukim-mukim dalam Negeri Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula pada 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021 atau mana-mana lokaliti yang diisytiharkan pelaksanaan PKPD oleh pihak berkuasa.

Sehubungan itu, pelanggan FINAS boleh membuat permohonan lesen baharu dan permohonan pembaharuan lesen secara atas talian (*online*) seperti butiran berikut:

#### **I. PERMOHONAN LESEN BAHARU**

Bagi permohonan lesen baharu tuan/puan boleh membuat permohonan melalui atas talian (*online*) dengan mengisi **Borang BPL-1** yang boleh didapati melalui pautan <https://www.finass.gov.my/services/licensing-new-license-application/> serta mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan.

#### **II. PEMBAHARUAN LESEN**

Bagi permohonan pembaharuan lesen tuan/puan boleh membuat permohonan melalui atas talian (*online*) dengan mengisi **Borang BPL-2** yang boleh didapati

melalui pautan <https://www.finas.gov.my/services/licensing-renewal-of-license/> serta mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan.

Bagi pelanggan yang membuat permohonan melalui atas talian (*online*), semua dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan melalui emel di [pelesenanfinas@gmail.com](mailto:pelesenanfinas@gmail.com). Permohonan akan disemak terlebih dahulu dan permohonan yang lengkap sahaja akan diproses bagi membuat pembayaran dan tindakan selanjutnya. Permohonan secara atas talian (*online*) hanya dalam tempoh pelaksanaan PKPD bermula 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021 atau sehingga dimaklumkan kelak.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan urusan pelesenan boleh berhubung dengan Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan FINAS di talian **011-11354195/ 012-9714751**. Manakala bagi pertanyaan umum berkaitan perkhidmatan FINAS sila hubungi talian *hotline* FINAS di **03-41041300** dan e-mel di [info@finas.my](mailto:info@finas.my).

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)**  
**6 Julai 2021**